

09 NOV 2003

MIC BERI SOKONGAN PADU PADA ABDULLAH SEBAGAI PERDANA MENTERI

SHAH ALAM, 9 Nov (Bernama) -- MIC yang mewakili majoriti masyarakat keturunan India di Malaysia, hari ini meluluskan usul merakamkan sokongan padu kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri Malaysia kelima dan Pengerusi Barisan Nasional.

Parti itu menaruh kepercayaan kepada kepimpinan Abdullah untuk membawa Malaysia ke mercu kecemerlangan di dalam bidang ekonomi, sosial dan memartabatkan nama negara di arena antarabangsa.

Dalam resolusi yang dibentangkan oleh Timbalan Presiden MIC Datuk S. Subramaniam di Konvensyen Kebangsaan Pengerusi-pengerusi Cawangan MIC hari ini, delegasi juga menaruh kepercayaan kepada Abdullah untuk memimpin negara ke arah kemajuan dan pemodenan demi mencapai Wawasan 2020.

Delegasi MIC juga berikrar untuk berganding bahu dengan Abdullah bagi memastikan perpaduan rakyat berbilang kaum sentiasa terpelihara.

Mereka turut memberikan komitmen untuk memberikan sokongan penuh kepada Barisan Nasional bagi mencapai keputusan cemerlang pada pilihan raya umum ke-11 akan datang.

Delegasi MIC turut merakamkan penghargaan kepada bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad di atas jasa dan sumbangan beliau kepada negara.

-- BERNAMA
LES LES RHM